

DOA MESYUARAT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ أَشْرَفُ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SEGALA PUJI UNTUKMU YA ALLAH DI ATAS SEGALA NIKMAT PEMBERIAN YANG ENGKAU KURNIAKAN KEPADA KAMI. YA ALLAH YA TUHAN KAMI, TUHAN YANG MEMILIKI KEBESARAN, KEMULIAAN DAN KEKUASAAN, KAMI HAMBA-HAMBA MU MENADAH TANGAN MENGUCAP SYUKUR KEHADRAT MU YA ALLAH, KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA SERTA RAHMAT MU, DAPAT KAMI BERHIMPUN BERSEMPENA
DI PETANG/PAGI PENUH BARAKAH INI, KAMI POHONKAN AGAR MESYUARAT INI AKAN MENDAPAT KEBERKATAN DAN RAHMAT DARI MU.

اللهم يا الله

YA ALLAH YA TUHAN KAMI, BERIKANLAH KAMI ILHAM TERBAIK UNTUK MEMBINCANGKAN SEGALA PERMASALAHAN DAN BERUPAYA MENCAPAI KATA SEPAKAT UNTUK MENGHASILKAN RESOLUSI YANG TERBAIK. BERSEMPENA DENGAN INI JUGA YA ALLAH, LINDUNGILAH KAMI DARI SEGALA PERKARA YANG AKAN MERUMITKAN KAMI DAN KAMI MEMOHON KEBERKATAN DAN KEREDHAAN MU, DI ATAS SEGALA USAHA KAMI, KHUSUSNYA DALAM MENJAYAKAN SEGALA PERANCANGAN YANG DISEPAKATI DI DALAM MESYUARAT INI, AGAR IA MENJADI SATU WASILAH UNTUK MEMBANTU ORGANISASI KE ARAH YANG LEBIH CEMERLANG.

اللهم ارنا الحق حقا وارزقنا اتباعه وارنا الباطل باطلا وارزقنا اجتنابه

YA ALLAH, RESTUILAH PERJUANGAN KAMI, TINGKATKAN IMAN DAN TAKWA KAMI SERTA TANAMKANLAH DIDALAM HATI KAMI SIFAT JUJUR DAN IKHLAS DALAM MENJALANKAN TUGAS KAMI. JADIKAN KAMI YA ALLAH DARI GOLONGAN MEREKA YANG SENTIASA MEMATUHI SEGALA ARAHAN DAN PERINTAHMU SERTA KUKUHKANLAH PERPADUAN DIANTARA KAMI.

اللهم اجعل جمعنا هذا جمعا مرحوما وتفرقتنا من بعده تفرقا معصوماربنا اتنا في الدنيا
حسنة وفي الأخرة حسنة وقنا عذاب النار وصلي الله علي سيدنا محمد وعلي اله وصحبه
اجمعين والحمد لله رب العالمين